

## **Isu-isu *Survival* Melayu Pasca Pilihan Raya Umum 2008 (PRU 2008)**

**Nur Azah Razali<sup>1\*</sup>, Asbah Razali<sup>2</sup>, Mohd Syariefudin Abdullah<sup>3</sup>**

**Nur Azah Razali<sup>1\*</sup>, Asbah Razali<sup>2</sup>, Mohd Syariefudin Abdullah**

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. 84600 Pagoh, JOHOR.

<sup>2</sup> Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. 50603 KUALA LUMPUR.

<sup>3</sup> Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, PERAK.

\*nurazah@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.02.018>

Received 25 November 2021; Accepted 15 December 2021; Available online 31 December 2021

**Abstrak:** Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki masyarakat *heterogeneous* yang berbeza etnik, bahasa, agama dan kepercayaan. Di dalam masyarakat sebegini, isu *survival* etnik menjadi isu yang sering diperkatakan sama ada di media massa sebelum dan selepas pilihan raya. Keputusan Pilihan Raya Umum 2008 (PRU 2008) yang dikenali sebagai 'tsunami politik' telah menyaksikan Barisan Nasional (BN) gagal mempertahankan penguasaan dua pertiga di Parlimen. Ekoran dari keputusan PRU ini juga, isu-isu berkaitan *survival* Melayu yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan seperti Bahasa Melayu, agama Islam, hak istimewa Melayu dan kuasa Raja Melayu semakin hebat dipertikaikan. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan iaitu melibatkan pencarian bahan-bahan sekunder seperti buku, jurnal, kertas kerja, akhbar, portal berita atas talian, tesis dan website. Terdapat dua objektif di dalam kajian ini iaitu mengenalpasti isu-isu berkaitan dengan *survival* Melayu pasca PRU 2008 dan membincangkan peranan badan dan institusi yang berkaitan di dalam menyelesaikan isu berkaitan *survival* Melayu di Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa permasalah dan isu *survival* Melayu merangkumi hal-hal berkaitan agama Islam, institusi beraja Melayu, Bahasa Melayu dan kedudukan istimewa Melayu memerlukan suatu usaha yang menyeluruh dari institusi Beraja Melayu, pemimpin parti politik Melayu, Institusi dan Agenzi Melayu, pemimpin NGO Melayu dan jati diri Melayu yang kuat.

**Kata Kunci:** Melayu, *Survival* Melayu, Bahasa Melayu, Pilihan Raya Umum 2008

**Abstract:** Malaysia is a heterogenous country, with different ethnicities, language, religion, and beliefs. In this society, the issue of ethnic survival is often discussed in the mass media either before or after the elections. The results of the 2008 General Elections (GE 2008), also known as the ‘political tsunami’; witnessed the ruling Barisan Nasional (BN) coalition failure to retain their two-thirds majority in Parliament. Following the results of this GE, issues related to Malay survival as enshrined in the Federal Constitution such as the Malay language, Islam, the special position of the Malays, and the position of the Malay rulers are increasingly questioned. This study uses the library research method involving secondary sources such as books, journals, papers, periodicals, online news portals, theses, and websites. There are two objectives in this study: to identify the issues related to Malay survival post-GE 2008, and to discuss the role of related bodies and institutions in solving issues relating to Malay survival in Malaysia. The findings show that the problem and issue of Malay survival covers matters relating to Islam, the Malay royal institution, the Malay language, and special position of the Malays require the total effort of the Malay royal institutions, Malay political party leaders, Malay institutions and agencies, Malay NGO leaders, and a strong Malay sense of identity.

**Key words:** Malay, Malay survival, Malay language, General Elections 2008

## 1. Pengenalan

Istilah *survival* Melayu merujuk kepada suatu usaha yang berterusan untuk mengekalkan dan mempertahankan ciri-ciri yang dimiliki oleh orang Melayu iaitu agama Islam, Bahasa Melayu dan adat istiadat Melayu yang termaktub di dalam ciri-ciri orang Melayu menurut Perlembagaan Persekutuan (Perkara 160) agar ia terus hidup dan tidak lenyap. Definisi *survival* Melayu juga mengambil kira peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan Melayu selaku ‘tuan rumah’ iaitu agama Islam, Bahasa Melayu, institusi Raja Melayu dan hak keistimewaan Melayu.

Secara ringkasnya, Perlembagaan Persekutuan merupakan sebuah perlembagaan bertulis yang mengandungi 15 Bahagian, 183 Perkara dan 13 Jadual. Perlembagaan Persekutuan telah digubal oleh sebuah suruhanjaya yang dikenali sebagai Suruhanjaya Reid pada tahun 1956. Perlembagaan ini telah diterima oleh setiap badan perundangan negeri untuk beroperasi di negeri yang membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Kemudian, apabila membentuk persekutuan Malaysia pada tahun 1963, perlembagaan yang sama telah diterima, dipinda dan seterusnya beroperasi di negeri Sabah dan Sarawak.

Perlembagaan Persekutuan bukan sahaja suatu dokumen perundangan tetapi ia adalah kontrak sosial yang menstrukturkan masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai latar belakang, budaya dan etnik [1]. Kontrak sosial merujuk kepada perjanjian yang dibuat oleh para pengasas kemerdekaan negara dalam proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan 1957 [2]. Dalam hal ini, ia merujuk kepada pemimpin parti-parti sebagai wakil kepada tiga etnik terbesar di Tanah Melayu iaitu Melayu, Cina dan India. Dapat dilihat bahawa kontrak sosial sebagai suatu kesepakatan yang dicapai secara sukarela, melalui perundingan dan dianggap *binding* untuk generasi seterusnya. Sebagai timbal balas atas kesanggupan orang bukan Melayu menerima empat unsur tradisi Melayu (iaitu agama Islam, Bahasa Melayu, Raja-raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu), maka orang Cina dan orang India diiktiraf sebagai warganegara berdasarkan prinsip *jus soli*.

Walaupun setelah lebih lima dekad negara mencapai kemerdekaan, namun isu kontrak sosial dilihat menjadi suatu isu yang sering dipertikaian dan diperdebatkan. Menurut Abdul Aziz Bari (2010), pasca tsunami politik 2008 menyaksikan pelbagai isu dan kontroversi yang kerap menjadi perhatian umum dan menjadikan iklim politik negara semakin panas [3]. Hal ini dapat dilihat di mana pelbagai isu-isu sensitif berkaitan dengan orang Melayu dan bumiputera telah dibangkitkan. Ia merangkumi isu-isu seperti hak keistimewaan Melayu Perkara 153 dalam perlembagaan, kedudukan institusi beraja,

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan, isu pertukaran agama, tuntutan kesamarataan hak dan sebagainya [4].

### 1.1 Objektif kajian

Terdapat dua objektif di dalam kajian ini iaitu:

- a. Mengenalpasti isu-isu berkaitan dengan *survival* Melayu pasca PRU 2008.
- b. Menganalisis peranan badan dan institusi yang berkaitan di dalam menyelesaikan isu berkaitan *survival* Melayu di Malaysia.

## 1. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan iaitu yang melibatkan pencarian bahan-bahan sekunder seperti buku, jurnal, kertas kerja, akhbar, porta berita atas talian, tesis dan website. Kaedah ini termasuklah di dalam menyoroti kandungan berita atas talian yang menyentuh mengenai isu-isu *survival* Melayu. Antara portal berita yang dijadikan sumber utama kajian ini ialah Berita Harian, Harian Metro, Malaysiakini, Sinar Harian dan sebagainya.

## 2. Penemuan dan Perbincangan

### 2.1 Isu-isu *Survival* Melayu Pasca PRU 2008

Pelbagai isu sensitif yang berkaitan dengan orang Melayu dan Islam sering kali dibangkitkan dan dibincangkan di media massa, ucapan-ucapan pemimpin parti politik dan masyarakat di Malaysia terutamanya selepas tsunami politik 2008. Media-media di Malaysia juga begitu ghairah melaporkan mengenai isu-isu kontroversi yang melibatkan agama, bangsa dan politik selepas tsunami politik 2008 [5]. Antara isu-isu *survival* Melayu yang dilihat dipertikaikan adalah seperti berikut:

#### 2.1.1 Penggunaan Kalimah Allah

Secara umumnya, terdapat perbezaan maksud dan penggunaan kalimah Allah dalam kalangan pemimpin Kristian dan para ulama Islam di Nusantara. Dalam ajaran Kristian, penggunaan kalimah Allah dilihat dalam kata nama umum, iaitu sebagai suatu bentuk terjemahan bagi memudahkan masyarakat tempatan yang menjadi golongan sasaran mereka untuk memahami ajaran tersebut. Dari aspek maknanya masih tidak berubah di mana kalimah tersebut masih mengandungi pengertian Triniti, tajsim, penyerupaan, inkarnasi dan pluraliti. Hal ini berbeza dengan kalimah Allah dan maksudnya yang digunakan oleh para ulama Melayu dalam kitab-kitab tauhid Islam. Kalimah Allah digunakan sebagai kata nama khas yang merujuk kepada pengertian bahawa Allah adalah pencipta dan pentadbir seluruh alam serta terkandung dalam 99 nama Allah iaitu asma ul-Husna [6].

Penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam khususnya dalam penerbitan bahan agama adalah melanggar Perkara 11(4) kerana nama Allah dalam konteks agama adalah pegangan eksklusif kefahaman tauhid dan akidah umat Islam serta merupakan suatu penghinaan terhadap agama Islam dan umat Islam apabila ia disalahgunakan mengikut selera dan kemahuan pengikut agama lain [7]. Pada 4 Januari 2010, sebanyak 13 NGO telah membuat laporan polis kerana membantah tindakan majalah *Herald The Catholic Weekly* yang menggunakan perkataan Allah dalam penerbitannya.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-82 yang bersidang pada 5 hingga 7 Mei 2008 juga memutuskan bahawa penggunaan kalimah Allah adalah khusus buat agama dan umat Islam sahaja. Manakala Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada

3 Januari 2008 memutuskan untuk mengekalkan larangan tersebut di mana perkataan Allah, Baitullah, Solat dan Kaabah telah pun diwartakan hanya eksklusif buat umat Islam sahaja [8].

### 2.1.2 Murtad dan Pertukaran Agama

Gejala murtad merupakan antara isu yang sangat sensitif dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Pelaku murtad dianggap telah melakukan satu kesalahan yang besar terhadap agama dan umat Islam kerana telah mencemarkan imej Islam. Berdasarkan kepada kes-kes yang dilaporkan oleh media massa dan yang telah diputuskan oleh mahkamah, dapat dilihat bahawa gejala ini semakin membimbangkan apabila wujud kelompok bukan Muslim yang tampil membela dan memperjuangkan hak golongan yang murtad ini atas dasar hak asasi manusia. Hal ini secara jelas memberikan isyarat bahawa kedudukan Islam dan orang Melayu semakin tercabar. Tan Sri Harussani Zakaria, Mufti Negeri Perak mendedahkan bahawa bilangan orang Islam yang telah murtad di Malaysia mencapai 100 ribu orang [9] dan angka ini semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Para pendukung fahaman Islam liberal mempelopori undang-undang yang baru kepada hak kebebasan beragama dan bidang kuasa mahkamah syariah di bawah Perlembagaan Persekutuan. Golongan ini menganjurkan tafsiran kebebasan beragama yang liberal, termasuk mengiktiraf hak seorang Muslim untuk murtad. Isu murtad bukan sahaja tertakluk kepada mereka yang asalnya beragama Islam tetapi turut berlaku dalam kalangan masyarakat mualaf di Malaysia [10].

Di dalam peruntukan Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan setiap individu itu bebas untuk menganut apa-apa agama. Namun, bagi pengikut agama Islam, mereka masih tertakluk di bawah beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang menghalang mereka untuk menganut agama lain atau murtad. Perkara 11 iaitu kebebasan agama yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan sering dimanipulasikan untuk kepentingan pihak tertentu. Pelbagai pihak mempersoalkan Perkara 11 yang sepatutnya diaplikasikan kepada semua kaum tanpa mengira sama ada Islam atau bukan Islam. Kes Lina Joy merupakan kes pertama yang membabitkan Artikel 11 yang dibawa ke peringkat mahkamah Persekutuan untuk ditafsirkan [11].

### 3.1.3 Penghinaan Terhadap Agama Islam

Yang Di-Pertuan Agong (YDPA) dan Sultan-Sultan atau Raja-Raja sebagai ketua Agama Islam hendaklah dihormati, bukan sahaja oleh orang Islam bahkan juga semua masyarakat di negara ini tanpa mengira bangsa dan agama. Selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, maka kedudukan masjid dan surau mestilah terpelihara dari sebarang elemen yang boleh mencemarkan tempat ibadat orang Islam. Sebarang perbuatan atau tingkah laku yang bersifat mencemar, merosak atau memusnahkan kesucian masjid dan surau secara fizikal bagi tujuan menghina kemuliaan tempat ibadat tersebut dikira sebagai satu kesalahan menurut undang-undang di Malaysia. Terdapat banyak kejadian dilaporkan di media massa mengenai perbuatan pihak tidak bertanggungjawab yang merosakkan atau mencemarkan tempat-tempat ibadat termasuklah masjid dan surau [12].

Penghinaan tempat ibadah orang Islam dapat dilihat secara jelas ekoran dari insiden kepala babi diletakkan di perkarangan dua buah masjid iaitu Masjid Jumhuriyah, di Petaling Jaya dan Masjid Al-Imam Al-Tirmizi, di Jalan Klang Lama pada 27 Januari 2010. Tindakan ini dipercayai dilakukan oleh individu yang tidak bertanggungjawab dan ianya ada kaitan dengan keputusan Mahkamah Tinggi pada 31 Disember 2009 yang membenarkan bukan Islam menggunakan kalimah Allah sebagai terjemahan untuk *God* [13].

Di Malaysia, peruntukan undang-undang bagi kesalahan menghina agama Islam boleh ditemui dalam enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Antaranya dalam seksyen 9, 10 dan 11 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995, seksyen 7, 8 dan 32 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan seksyen 49, 50 dan 56 Enakmen Jenayah Syariah Negeri

Sembilan 1992. Dalam undang-undang tersebut, peruntukan yang membabitkan kesalahan menghina agama Islam terbahagi kepada tiga jenis kesalahan, iaitu:

- a. Kesalahan menghina agama Islam.
- b. Kesalahan mempersendakan dan lain-lain ayat al-Qur'an atau Hadis.
- c. Kesalahan memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat dengan niat menghina atau mempersendakan agama Islam [14].

Selain itu, penghinaan terhadap agama Islam juga dapat dilihat melalui tindakan penulis blog iaitu Alvin Tan dan Vivian Lee yang memuat naik gambar di dalam laman Facebook dengan kapsyen ‘Selamat Berbuka Puasa (dengan Bak Kut Teh... wangi, enak, menyelerakan!)’ dan mengandungi logo Halal pada 12 Julai 2013. Mereka telah disiasat mengikut Subseksyen 4(1)(c) Akta Hasutan dan Seksyen 298A Kanun Keseksaan di atas tuduhan menghasut dan mencetuskan permusuhan serta perbalahan antara agama [15]. Seterusnya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menahan pemilik akaun media sosial twitter berusia 43 tahun yang didakwa memuat naik komen yang tidak baik dan jelik terhadap agama Islam dan Nabi Muhammad SAW. Pesalah ini telah disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian [16].

#### 2.1.4 Penghinaan kepada Sultan dan Institusi Beraja

Prinsip kedua Rukun Negara iaitu “Kesetiaan kepada Raja dan Negara” jelas menunjukkan kedudukan institusi beraja sebagai institusi terpenting dalam pemerintahan negara. Perkara 32 (1) Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukkan kedudukan YDPA sebagai Ketua negara yang berkesinambungan dari zaman sebelum kemerdekaan lagi. Namun, kesan globalisasi dan modenisasi telah menyaksikan banyak insiden yang terjadi di dalam usaha melemahkan institusi Raja Berperlembagaan khususnya kuasa raja-raja Melayu atas landasan hak asasi dan kebebasan bersuara [17].

Namun, pada hakikatnya setiap kebebasan yang wujud bukan bersifat mutlak. Kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat juga mempunyai had dan batasan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 10 (2) dan pelbagai sekatan undang- undang yang lain. Antara tindakan undang-undang tersebut adalah Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Fitnah 1957, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Teleperubatan 1997, Akta Perdagangan Elektronik 2006, Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan sebagainya [18].

Namun, dapat dilihat masih berlaku kes penyalahgunaan hak kebebasan ini masih berlaku terutamanya isu penghinaan terhadap institusi raja di dalam aplikasi media sosial. Mohamad Salleh Abas (2003) menegaskan bahawa kebebasan bercakap dan bersuara yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan dihadkan kepada kata-kata yang tidak menjadi fitnah, tidak menjadi hasutan, tidak mencerca mahkamah, atau kata-kata yang melanggar hak keutamaan parlimen dan dewan negeri [19]. Penggunaan media sosial secara meluas di negara ini seperti Facebook, twitter serta portal dan laman-laman blog turut membawa budaya baharu kepada sejumlah individu dan pihak tertentu untuk menyalahgunakan kemudahan tersebut untuk di dalam mempertikai atau menghina Institusi Raja [20]. Antara kes-kes yang dilihat telah telah menghina institusi beraja ialah:

- a. 25 April 2017: Suri rumah berusia 44 tahun menghina YDPA, Sultan Muhammad V melalui laman sosial Facebook.
- b. Februari 2019: Peniaga didakwa telah menghina YDPA melalui laman sosial Facebook.
- c. 5 November 2012: Penceramah bebas telah menerbitkan perkataan menghasut terhadap Sultan Selangor dalam laman sosial Facebook.

- d. 8 Januari 2019: Suami isteri menghina YDPA dengan memberi komen biadab melalui laman Twitter.
- e. 8 April 2019: Pekebun berumur 36 tahun menghina YDPA melalui laman Facebook.
- f. 11 Februari 2019: Bekas pengurus pemasaran syarikat keselamatan berumur 46 tahun menghina YDPA melalui laman Facebook.

Selain kes-kes tersebut, statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) menunjukkan bahawa 21296 kes telah diterima yang berkaitan dengan kandungan berunsurkan perkauman, keagamaan dan menghina etnik, agama dan institusi beraja (3R-race, religion and royalty) dalam tempoh enam minggu pertama penubuhan Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC sejak ditubuhkan pada 17 Ogos 2019 [21]. Angka ini sangat membimbangkan kerana penghinaan terhadap institusi beraja dapat menggugat keamanan dan mencetuskan huru-hara. Hal ini kerana sebarang tindakan atau ancaman untuk membangkitkan perasaan tidak suka terhadap YDPA adalah termasuk ke dalam salah satu perbuatan *subversive* dan memudaratkan ketenteraman awam.

#### 2.1.5 Mencabar Perkara 153 (Hak Istimewa Orang Melayu)

Pada 18 Ogos 2010 telah berlangsungnya Kongres Ekonomi Cina Malaysia yang mana kongres ini menuntut ekuiti bumiputera sebanyak 30 peratus dalam semua sektor dikurangkan secara berperingkat yang dilihat berbaur hasutan dan dilihat mencabar Perkara 153 yang jelas termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan [22]. Selang beberapa hari selepas itu, Nurul Izzah selaku anggota Parlimen Lembah Pantai pula mengeluarkan kenyataan yang disiarkan dalam portal Malaysian Insider pada 31 Ogos 2010 yang mendakwa “hak istimewa orang Melayu tidak disebut sebaliknya Perkara 153 hanya menjelaskan mengenai kedudukan istimewa masyarakat Bumiputera” dan ‘agenda Melayu yang terkandung dalam Perkara 153 juga bersifat sementara’ [23].

Melalui dua contoh peristiwa tersebut, dapat dilihat bahawa Perkara 153 semakin diasak untuk dihapuskan sedikit demi sedikit walaupun telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Mengulas perkara ini, Khoo Kay Kim (2010) melihat punca mengapa kebelakangan kini terdapat pihak-pihak yang mempersoalkan mengenai hak-hak dan keistimewaan orang Melayu adalah kerana masyarakat pada masa kini sudah buta sejarah [24]. Hal ini kerana sebarang pindaan perlembagaan memerlukan persetujuan daripada dua pertiga anggota Parlimen dan mendapat perkenan YDPA. Jika Perkara 153 iaitu berkaitan dengan hak istimewa orang Melayu perlu dipinda atau dihapuskan, keseluruhan orang Melayu mesti setuju, kalau orang Melayu rasa belum sedia untuk pinda, maka ia tidak boleh dipinda. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat perlu berhati-hati dengan ucapan dan kenyataan yang diberikan walaupun mereka seorang pemimpin pertubuhan yang mempunyai ramai pengikut ataupun seorang ahli politik yang berkaliber.

Seterusnya, terdapat juga kumpulan yang menjadikan istilah bangsa Malaysia sebagai satu slogan politik untuk mencabar Perkara 153. Satu kumpulan melihat bangsa Malaysia akan menghapuskan kedudukan istimewa Melayu dan satu kumpulan lagi berpendirian tidak perlu lagi ada diskriminasi kaum di Malaysia [25]. Maka, perlu ditegaskan bahawa Perkara 153 tidak boleh dihapuskan walaupun ia dipertikaikan kerana ia dilindungi di bawah Akta Hasutan 1948, manakala kumpulan yang melihat Perkara 153 sebagai diskriminasi kepada etnik bukan Melayu sebenarnya secara tidak langsung telah mempertikaikan kontrak sosial. Walaupun Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua orang adalah sama di sisi undang-undang namun ia terkecuali jika dibenarkan oleh Perlembagaan itu sendiri.

Kerajaan Malaysia sentiasa konsisten di dalam mempertahankan Perkara 153. Komitmen ini dapat dilihat melalui keputusan kerajaan Malaysia untuk tidak meratifikasi ICERD pada 23 November 2018. ICERD atau Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum. Tujuan ICERD ini adalah untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi kaum dan mempromosikan toleransi antara semua bangsa dan kaum. ICERD adalah salah satu konvensyen yang telah diperakukuan

oleh PBB. Malaysia merupakan salah satu daripada dua negara Islam yang tidak meratifikasi ICERD selain Brunei. Malaysia pernah membuat pengecualian ketika meratifikasi Konvensyen Berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Committee on the Elimination of the Discrimination against Women, CEDAW) pada 1999 [26].

### 2.1.6 Mencabar Kedudukan Bahasa Melayu (Perkara 152)

Memartabatkan Bahasa Melayu bermaksud meletakkan Bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Namun, perubahan dasar dalam pendidikan dilihat telah menampakkan ketirisan dalam pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan di Malaysia. Perkara ini merujuk kepada pengenalan Dasar Liberalisasi Pendidikan dalam Era Globalisasi (1990-2000) yang menekankan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di kolej dan universiti. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17(1) yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengecualikan mana-mana institusi pendidikan daripada menggunakan bahasa pengantar Bahasa Melayu dan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 1996 Fasal 41 yang membenarkan penggunaan bahasa-bahasa yang lain iaitu selain daripada bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar [27].

Posisi baru pendidikan yang menekankan kepentingan sains dan teknologi serta Bahasa Inggeris telah menyebabkan ada segelintir rakyat mula hilang keyakinannya terhadap Bahasa Melayu. Maka, dapat dilihat bahawa kegagalan Bahasa Melayu menjadi bahasa pilihan generasi berilmu abad ke-21 mungkin disebabkan oleh kegagalan dasar kerajaan dalam melestarikan dan mengukuhkan peranan dan fungsi Bahasa Melayu sama ada di peringkat pendidikan rendah, menengah dan universiti [28]. Bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa berkelas rendah dalam kelas sosial masyarakat dan ini menyebabkan mereka lebih berminat untuk berkomunikasi dalam bahasa lain selain Bahasa Melayu. Zainal Abidin (2018) menjelaskan, kewujudan isu tersebut adalah kerana masyarakat Malaysia yang mempunyai perspektif negatif terhadap Bahasa Melayu dan terperangkap dalam ideologi asing kerana tiada jati diri [29].

Selain itu, terdapat juga tuntutan dari NGO Cina yang mengkehendaki pengkajian semula tentang pembangunan pelbagai aliran sekolah secara adil dan sistematik pada tahun 2011. Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia (Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), iaitu Dong Jiao Zong mengemukakan memorandum yang mengandungi 15 isu dan 43 kehendak kepada Perdana Menteri pada 14 November 2011. Antara isu yang dibangkitkan termasuklah wang dan tanah kepada semua aliran sekolah, pembangunan pelbagai aliran institusi pengajian tinggi, pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina di sekolah menengah kebangsaan, pemberian biasiswa kerajaan, pengambilan institusi pengajian tinggi awam berdasarkan merit dan lain-lain lagi (Memorandum Dong Jiao Zong 2011). Dalam memorandum itu juga, DJZ juga mendakwa menghadapi layanan yang tidak adil selama ini dan menuntut kerajaan menunaikan janji PRU 2008 yang belum ditunaikan [30].

Polemik berkaitan tuntutan Dong Zong yang dikatakan berunsur chauvinist ini mendapat perhatian pelbagai pihak terutamanya pejuang Bahasa Melayu di Malaysia. Dapat dilihat Dong Zong masih berusaha mendesak kerajaan terhadap tuntutan-tuntutan mereka termasuk pengiktirafan kepada Sijil Peperiksaan Bersama (Unified Examination Certificate, UEC) untuk kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi yang dilihat tidak adil kepada pelajar-pelajar Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan seperti lepasan Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) dan Sijil Pendidikan Tinggi Malaysia (STPM) sekolah kerajaan yang telah mengikuti dan mematuhi sistem pendidikan kebangsaan [31]. Hal ini kerana sekolah persendirian Cina tidak pernah berada dalam sistem dan dasar pendidikan kebangsaan, tambahan pula sistem silibusnya mematuhi sistem Taiwan dan Hong Kong.

### 2.2 Benteng (Badan dan Agen) Pertahanan *Survival Melayu*

Perbincangan dan huraiyan yang terperinci di atas jelas menunjukkan bahawa isu *survival* Melayu di Malaysia sangat mencabar dan dicabar. Isu-isu yang dibincangkan ini juga merupakan himpunan kritikal berkaitan apa yang telah terjadi di Malaysia. Permasalah dan isu-isu *survival* Melayu tersebut merangkumi hal-hal berkaitan agama Islam (seperti penggunaan kalimah Allah, penghinaan terhadap rumah ibadah orang Islam iaitu masjid dan surau; penganut agama Islam yang murtad, mempromosikan kebebasan beragama dan sebagainya), hal berkaitan institusi beraja Melayu (seperti penghinaan terhadap YDPA, permaisuri Agong, Raja-raja dan kerabatnya), hal berkaitan dengan Bahasa Melayu (seperti pertikaian terhadap kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pendidikan), hal berkaitan dengan kedudukan istimewa Melayu di dalam perlembagaan (Perkara 153). Maka, kajian ini menganalisis peranan yang dimainkan oleh beberapa badan dan agen pertahanan *survival* Melayu di Malaysia iaitu:

### 2.2.1 Institusi Beraja Melayu

Menurut Perkara 159 (5) Perlumbagaan Persekutuan, sebarang pindaan yang melibatkan perkara-perkara seperti kedaulatan raja-raja, kedudukan istimewa orang Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak, Bahasa Melayu dan agama Islam perlu mendapat sokongan dua pertiga setiap dewan dan perkenan Majlis Raja-Raja. Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa Institusi Beraja merupakan benteng terakhir kepada *survival* Melayu di Malaysia. Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar Raja-raja Melayu dapat menghimpunkan pihak-pihak berkepentingan untuk membincangkan masa depan *survival* Melayu di Malaysia. Hal ini kerana sehingga hari ini, tidak berlaku lagi di mana Raja-raja Melayu, Perdana Menteri (yang merupakan seorang Melayu), pemimpin Melayu kedua-dua pihak iaitu kerajaan dan pembangkang duduk semeja untuk membincangkan masa depan *survival* Melayu di Malaysia.

### 2.2.2 Pemimpin Parti-Parti Politik Melayu

Agenda perpaduan Melayu melalui konsep kerajaan perpaduan (unity government) telah dikemukakan ekoran dari berlakunya tsunami politik 2008. Pada tahun 2009, konsep kerajaan perpaduan telah dicadangkan untuk meningkatkan kerjasama politik orang Melayu yang dicetuskan oleh Presiden PAS. Kerajaan perpaduan tersebut berteraskan Islam dengan rujukan khusus kepada kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia. Konsep kerajaan perpaduan merupakan idea untuk menyatukan rakyat Malaysia khususnya kaum majoriti Melayu-Islam demi *survival* Melayu di Malaysia. Maka, dicadangkan agar para pemimpin parti-parti Melayu-Islam dapat mengetepikan kepentingan peribadi agar perjuangan agenda dan *survival* Melayu dapat diutamakan.

### 2.2.3 Institusi dan Agensi Melayu

Demokrasi berparlimen di Malaysia mengiktiraf YDPA sebagai ketua negara. Institusi agama seperti Majlis Agama Islam, Jabatan agama, para pegawai iaitu Mufti, Hakim Syarie dan sebagainya tertakluk di bawah kuasa baginda [32]. Majlis Agama Islam contohnya adalah badan yang diberi tanggungjawab menolong dan menasihati Raja-raja atas segala perkara yang berkaitan dengan Islam dan adat istiadat Melayu. Selain itu, agensi-agensi yang diwujudkan untuk orang Melayu seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Pembangunan, Bank Bumiputera, Amanah Saham Nasional, *Federal Land Development Authority* (FELDA), *Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority* (FELCRA), *Rubber Industry Smallholders Development Authority* (RISDA) dan sebagainya juga perlu berganding bahu dan bersama-sama menjayakan dan memperjuangkan agenda *survival* Melayu di Malaysia.

### 2.2.4 Pemimpin NGO Melayu

NGO merupakan satu bentuk organisasi moden yang diwujudkan untuk menghimpunkan segenap masyarakat di atas satu kepentingan yang sama. Namun, apabila ia melibatkan sentimen etnik, NGO akan berhadapan dengan dilema sama ada hendak mempertahankan etnik atau menggunakan isu etnik

tersebut untuk mendapatkan habuan yang lain. Para pemimpin NGO Melayu hendaklah membina imej Melayu kerana mereka inilah frontliner (barisan hadapan) jika orang Melayu menghadapi masalah dan krisis. Mereka juga perlu menjadi feeder kepada kerajaan di dalam menghadapi asakan dan tuntutan oleh pihak yang cenderung mempertikaikan hak keistimewaan Melayu dan *survival* Melayu di Malaysia.

## 2.2.5 Jati diri Melayu yang kuat

Jati yang bermaksud asli, asal dan dalam konteks jati diri dapat difahami sebagai kekuatan diri berdasarkan tradisi, sesuatu yang diwarisi atau keaslian pada diri itu [33]. Hambatan dari faktor luar terutamanya globalisasi menyebabkan isu-isu berkaitan *survival* Melayu rancak diperdebatkan. Selain itu, keadaan politik dalam juga mempengaruhi *survival* Melayu di Malaysia. Hal ini kerana politik kompromi yang diamalkan sejak merdeka menuntut tolak ansur antara etnik yang dilihat akan menyebabkan *survival* Melayu semakin tergugat. Apatah lagi dengan gelombang politik baru yang semakin dirasai pasca PRU 2008. Perubahan trend pengundian ke arah politik yang terbuka membawa bersama idea kesamarataan dan menolak idea politik berdasarkan etnik sehingga menyebabkan diskriminasi perlindungan ditolak dan dicabar. Oleh itu, pemupukan jati diri Melayu yang kuat diharapkan menjadi perisai untuk menangkis cabaran yang dibawa kesan dari ledakan globalisasi.

## 3. Penutup

Fenomena pasca PRU 2008 ini menyaksikan pertembungan antara kelemahan kepimpinan UMNO sebagai tonggak utama Melayu dan perubahan paradigma politik Malaysia ke arah keterbukaan dan penipisan elemen etnik. Parti Melayu iaitu UMNO dilihat tidak lagi dapat mempertangkan *survival* dan masa depan Melayu. Dengan melihat kepada situasi *survival* Melayu pada hari ini, ia diharapkan dapat menjadi tauladan dan pedoman kepada masyarakat Malaysia agar lebih celik Perlembagaan. Sehubungan dengan itu, beberapa pihak yang berkaitan dengan Melayu iaitu institusi Beraja, pemimpin parti-parti politik, institusi dan agensi, serta masyarakat Melayu yang memiliki jati diri dilihat dapat menjadi benteng pertahanan utama di dalam menangani isu-isu *survival* Melayu di negara ini. Parti politik, *state* dan institusi yang berkaitan dengan Melayu perlu memainkan peranan di dalam mempertahankan *survival* Melayu. Institusi Raja-raja Melayu, pihak pemerintah dan pembuat dasar perlu bersatu serta duduk berbincang bersama dengan mengetepikan fahaman politik mahupun kepentingan individu. Sehingga hari ini, tidak berlaku lagi di mana Perdana Menteri (yang merupakan seorang Melayu), Sultan-sultan Melayu, pemimpin Melayu kedua-dua pihak iaitu kerajaan dan pembangkang mengadakan satu perbincangan tertutup untuk membincangkan masa depan *survival* Melayu di Malaysia.

## Rujukan

- [1] Shamrahayu A Aziz, Demokrasi, Pilihan raya dan Tanggungjawab Warganegara, Berita Harian. April 18, 2018. [Atas talian]. <https://origin.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/04/417961/demokrasi-pilihan-raya-dan-tanggungjawab-warganegara>. [Capaian Disember 1, 2020)
- [2] Mohd Rizal Yaakop dan Shamrahayu A. Aziz, Kontrak Sosial Persekutuan 1957: Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad, 2014
- [3] Abdul Aziz Bari, Perspektif Perlembagaan Selepas Tsunami 2008. Kuala Lumpur: IDEAS (Institute for Democracy and Economic Affairs), 2010

- [4] Norhayati Mohd Salleh, "Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12): "Tsunami" Politik Melayu?," *Jebat*, vol. 35, pp. 49-64, 2008
- [5] Muhammad Raqib Mohd Sofian dan Adnan Hussein, "Analisis Kualitatif Pembingkaian Akhbar The Star dan Utusan Malaysia Mengenai Kontroversi Majlis "thanksgiving" di DUMC," *Jurnal Komunikasi*, vol. 30, no. 12, pp. 111-139, 2014
- [6] Roslizawati Mohd Ramly, Muhammad Khairi Mahyuddin, "Kalimah Allah: Tinjauan Ringkas terhadap Maksud dan Penggunaannya dalam kalangan Pemimpin Kristian," *Jurnal Sains Insani*. vol. 4, no. 2, pp. 21-27, 2019
- [7] Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), *Wajib Pelihara Kesucian Nama Allah*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor, 2013
- [8] Mohd Aizam Mas'od, *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013
- [9] Malaysiakini, Mufti Perak Dakwa 100,000 Umat Islam Malaysia Murtad, Julai 8, 2006. [Atas talian]. <https://www.malaysiakini.com/news/53608> [Capaian November 22, 2020]
- [10] Marzuki Mohamad. 2008. Manifestasi Islam Liberal di Malaysia: Dimensi Politik Dan Undang-Undang. Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan 2008. Anjuran Persatuan Ulama' Malaysia pada 24 Ogos.
- [11] Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Mohd Herzali Mohd Haled. "Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia," *Jurnal Usuluddin*, vol. 27, pp. 81-92, 2008
- [12] Zanariah Dimon, Kesalahan Memusnahkan Atau Mencemarkan Masjid Bagi Tujuan Menghina Agama Islam Menurut Undang-Undang Di Malaysia. e-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019), Oktober 30, Bangi, 2019
- [13] Malaysiakini, Kepala Babi Dilontar Dalam Perkarangan Dua Masjid, Januari 22, 2010. [Atas talian. <https://www.malaysiakini.com/news/122975> [Capaian Oktober 2, 2020]
- [14] Muhamad Azri Kharal Anuar dan Mohd Al Adib Samuri. 2017. Analisis Matan Undang-Undang Syariah Negeri Berkaitan Kesalahan Menghina Agama Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. Vol. 2(1): 1-30.
- [15] Astro Awani, Tindakan Alvin Tan, Vivian Lee Hina Agama Islam – Saksi, November 23, 2015. [Atas Talian] <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tindakan-alvin-tan-vivian-lee-hina-agama-islam-saksi-82147> [Capaian November 2, 2020].
- [16] Malaysiakini, Pengguna Media Sosial Didakwa Hina Nabi Ditahan. Mac 7, 2019. [Atas talian]. <https://www.malaysiakini.com/news/466883> [Capaian Disember 12, 2020]
- [17] Fabli Yusof dan Mohd Sufiean Hassan, "Kes Penghinaan Raja-Raja/Yang Di-Pertuan Agong Di Media Sosial: Tindakan dan Penguatkuasaan Undang-Undang dalam Kebebasan Bersuara," *Journal of Law & Governance*, vol. 3, no. 1, pp. 127-142, 2020
- [18] Wan Amizah Wan Mahmud dan Syahira Omar, "Isu Penghinaan Terhadap Institusi Diraja Malaysia: Analisis Kandungan Akhbar Dalam Talian,". *Jurnal Wacana Sarjana*. vol. no. 1, pp. 1-18, 2017

- [19] Mohamad Salleh Abas, Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015
- [20] Wan Amizah Wan Mahmud dan Syahira Omar, “Isu Penghinaan Terhadap Institusi Diraja Malaysia: Analisis Kandungan Akhbar Dalam Talian.”. Jurnal Wacana Sarjana. vol. no. 1, pp. 1-18, 2017
- [21] Astro Awani, Hina Kaum, Agama, Raja: 21,296 Laporan Dalam 6 Minggu. November 11, 2019. [Atas talian]. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hina-kaum-agama-raja-21-296-laporan-dalam-6-minggu-222342> [Capaian Disember 2, 2020]
- [22] Malaysiakini, Kongres Cina Tuntut Ekuiti Bumiputera Dikurangkan, Ogos 14, 2010. [Atas talian]. <https://www.malaysiakini.com/news/140106> [Capaian Disember 22, 2020]
- [23] Mstar, Wanita UMNO Selar Tindakan Nurul Izzah Pertikai Perlembagaan. [September 3, 2010]. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2010/09/03/wanita-umno-selar-tindakan-nurul-izzah-pertikai-perlembagaan> [Capaian Disember 2, 2020]
- [24] Khoo Kay Kim, Kay Kim: Hak istimewa Melayu Tak Boleh Dipadam. Malaysiakini. September 6, 2010. [Atas talian]. <https://www.malaysiakini.com/news/142082> [Capaian Atas talian Disember 12, 2020]
- [25] Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain, Perkara 153 jamin hak semua kaum. Berita Harian, Disember. 3, 2018. [Atas talian]. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/12/504655/perkara-153-jamin-hak-semua-kaum>. [Capaian Disember 2, 2020]
- [26] Malaysiakini, Penolakan ICERD: Kedudukan Malaysia di Dunia, November 23, 2018. [Atas talian]. <https://pages.malaysiakini.com/icerd/my/>. [Atas talian 2 November 2020]
- [27] Abdul Aziz Deraman, Wacana Peradaban Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010
- [28] Noor Azmira Mohamed dan Nor Azlili Hassan, “Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta,” Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), vol. 4, no. 4, pp. 19-28, 2019
- [29] Zainal Abidin Borhan, Sarjana, Persatuan Minta PPSMI tidak dikembalikan, Berita Harian, Mei 18, 2018. [Atas talian]. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2018/05/427253/sarjana-persatuan-minta-ppsmi-tidak-dikembalikan>. [Capaian Disember 20, 2020]
- [30] Malaysiakini, Janji PRU-12: Tiada Satu Pun Sekolah Cina Siap Dibina, Disember 5, 2011. [Atas talian]. <https://www.malaysiakini.com/news/183219> [Capaian Disember 15, 2020]
- [31] Teo Kok Seong, Tak Adil kepada lepasan SPM, STPM jika iktiraf UEC. 31 Mac 31, 2019. [Atas talian]. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/547442/tak-adil-kepada-lepasan-spm-stpm-jika-iktiraf-uec>. [Capaian November 22, 2020]
- [32] Abdul Aziz Bari, Islam Dalam Perlembagaan Malaysia. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005

- [33] Abdul Kadir Wan Yusof, “Sistem Ekonomi Orang Melayu,” dlm. Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi, dan Manifestasi, Mohd Taib Osman, pnyt. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989